

6 JAN 1996

MALAYSIA HADIAH PROTON WIRA KEPADA RAJA SIHANOUK

KUALA LUMPUR, 6 Jan (Bernama) -- Kerajaan hari ini menghadihkan kereta Proton Wira grand limousin kepada Ketua Negara Kemboja, Raja Norodom Sihanouk Varma sebagai tanda persahabatan.

Duta Malaysia ke Kemboja, Encik Deva Mohd Ridzam menghadihkan kereta nasional itu pada satu upacara di Istana Diraja di Phnom Penh, menurut kenyataan daripada Kedutaan Malaysia di Kemboja yang dihantar kepada Bernama di sini melalui faksimili.

Dalam titah ucapannya, Raja Sihanouk berkata beliau amat terharu dan bertuah menerima hadiah yang istimewa ini yang bukan sahaja melambangkan persahabatan yang kukuh antara kedua-dua negara tetapi juga contoh kemajuan teknologi Malaysia.

Beliau berkata beliau sentiasa menghargai hubungan persahabatan dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang sentiasa membantu Kemboja.

Beliau lalu mengimbas lawatannya ke Malaysia pada September lepas sambil menyifatkan standard teknologi dan rekabentuk kereta Proton setanding, jika tidakpun lebih baik daripada kereta keluaran Amerika Syarikat, Jepun dan Jerman.

Beliau juga berkata di bawah kepimpinan Dr Mahathir, Malaysia telah dapat menikmati taraf hidup yang tinggi dan pada masa yang sama mengekalkan tradisi, budaya dan nilai-nilai moralnya.

Raja Sihanouk juga memuji sektor swasta atas sumbangannya ke arah usaha membangunkan semula Kemboja dan berharap lebih banyak ahli perniagaan Malaysia melabur di negara itu dalam industri berintensifkan buruh dan berasaskan pertanian. -- BERNAMA